



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 77  
No. 26

**27hb Jun 2024**

*TAMBAHAN No. 8  
PERUNDANGAN*

---

---

**Pk. P.U. 9.**

ENAKMEN HOTEL PERAK 2023  
PERATURAN-PERATURAN HOTEL PERAK 2024

---

## SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II  
PELESENAN

3. Permohonan bagi lesen
4. Keengganan memberikan atau memperbaharui lesen
5. Pengeluaran dan pembaharuan lesen
6. Lesen tidak boleh dipindah milik

**BAHAGIAN III**  
CAJ PERKHIDMATAN TEMPATAN

Peraturan

7. Caj perkhidmatan tempatan

**BAHAGIAN IV**  
PEMATUHAN

8. Kebersihan
9. Kacau ganggu
10. Pencegahan kebakaran dan keperluan keselamatan
11. Pengudaraan
12. Pengurusan dan kawalan
13. Penggantungan atau pembatalan lesen
14. Penalti
15. Pengkompaunan kesalahan
16. Pembatalan dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

ENAKMEN HOTEL PERAK 2023  
PERATURAN-PERATURAN HOTEL PERAK 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Enakmen Hotel Perak 2023 [*Enakmen 17*], Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Hotel Perak 2024**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2024.
- (3) Walau apa pun subperaturan 1(2), caj perkhidmatan tempatan yang dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bilik” ertinya semua jenis kemudahan tumpangan, pemalaman atau perlindungan di hotel, sama ada dalam bentuk bilik, premis, tapak atau tempat tidur;

“caj perkhidmatan tempatan” ertinya caj perkhidmatan tempatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua;

“Enakmen” ertinya Enakmen Hotel Perak 2023 [*Enakmen 17*];

“Enakmen dimansuhkan” ertinya Enakmen Rumah Tumpangan 1927 [*N.M.B. Bab 87*];

“hotel” ertinya mana-mana premis—

- (a) di mana orang diberi tempat menumpang, bermalam atau berlindung untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran bagi apa-apa jua tempoh dan masa;
- (b) di mana bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat menumpang, bermalam atau berlindung itu; atau
- (c) termasuklah asrama, motel, rumah tumpangan, rumah pemalaman, rumah tetamu, rumah bot, *homestay*, tapak perkhemahan atau kenderaan yang digunakan sebagai tempat menginap yang berbayar;

tetapi tidaklah termasuk—

- (aa) mana-mana premis di mana aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) sedang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (bb) mana-mana kemudahan jagaan kesihatan persendirian, pusat jagaan kanak-kanak atau pusat jagaan yang penubuhan atau pengendaliannya dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (cc) mana-mana asrama atau tempat tinggal yang ditubuhkan oleh atau bagi mana-mana pihak awam atau swasta yang dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (dd) mana-mana premis yang disewakan atas dasar tuan rumah dan penyewa di bawah perjanjian penyewaan; atau
- (ee) mana-mana premis yang dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

“kacau ganggu” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“lesen” ertinya lesen hotel yang diberikan di bawah seksyen 4 atau lesen sementara yang diberikan di bawah seksyen 8 Enakmen;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha suatu pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua; dan

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

## BAHAGIAN II PELESENAN

### Permohonan bagi lesen

3. (1) Permohonan bagi suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah—
- (a) dibuat dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen;
  - (b) disertakan dengan butiran pemohon dan orang yang berkenaan dalam pengendalian hotel serta kepentingan yang diwakili oleh orang itu; dan

(c) disertakan dengan maklumat dan dokumen sepertimana garis panduan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi permohonan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi permohonan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Melesen.

#### **Keengganan memberikan atau memperbaharui lesen**

4. Pihak Berkuasa Melesen boleh menurut budi bicaranya, enggan memberikan atau memperbaharui sesuatu lesen dan hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada pemohon akan keputusan tersebut.

#### **Pengeluaran dan pembaharuan lesen**

5. (1) Apabila permohonan lesen diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen setelah pemohon—

(a) membayar fi lesen tahunan berdasarkan kategori hotel yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Jadual Ketiga; dan

(b) membayar deposit sebanyak lima puluh peratus daripada jumlah fi lesen tahunan yang ditetapkan dalam Jadual Pertama,

tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(2) Suatu lesen boleh diperbaharui setelah bayaran kompaun dijelaskan kepada Pihak Berkuasa Melesen tertakluk kepada subperaturan (1).

#### **Lesen tidak boleh dipindah milik**

6. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dipindah milik melainkan dengan kebenaran bertulis dan apa-apa syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dipatuhi serta fi pindah milik lesen yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dibayar.

### BAHAGIAN III

#### CAJ PERKHIDMATAN TEMPATAN

#### **Caj perkhidmatan tempatan**

7. (1) Suatu caj perkhidmatan tempatan akan dikenakan ke atas setiap bilik hotel yang diinap sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Caj perkhidmatan tempatan hendaklah dikutip oleh pemegang lesen dan pemegang lesen hendaklah memasukkan kutipan tersebut ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri pada hari kesepuluh setiap bulan, tertakluk kepada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Satu jawatankuasa akan diwujudkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menguruskan kutipan caj perkhidmatan tempatan tersebut.

#### BAHAGIAN IV PEMATUHAN

##### **Kebersihan**

8. (1) Pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyelenggara atau menyebabkan diselenggara tiap-tiap bahagian hotel termasuk apa-apa pepasangan atau lekapan dan kemudahan kebersihan termasuk tandas supaya berada dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa.

(2) Semua sampah hendaklah dibuang oleh pemegang lesen mengikut cara yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

##### **Kacau ganggu**

9. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti yang dijalankan di hotel tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu.

(2) Dalam mana-mana keadaan sekiranya Pihak Berkuasa Melesen merasakan perlu, Pihak Berkuasa Melesen boleh merujuk atau mengarahkan supaya dirujuk kepada penduduk sekitar atau lot berjiran bagi mendapatkan pengesahan dan persetujuan ke atas aktiviti hotel.

##### **Pencegahan kebakaran dan keperluan keselamatan**

10. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dengan baik dan memastikan ia berfungsi dengan baik dan diselenggara oleh penyedia perkhidmatan yang diiktiraf;
- (b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;
- (c) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya ia dapat dibuka dengan senang;

- (d) setiap jenis tumpangan, pemalaman atau perlindungan di hotel dilindungi dengan insurans dan pemegang lesen perlu menyediakan kit pertolongan cemas pada setiap waktu mengikut garis panduan peti pertolongan cemas di tempat kerja;
- (e) kemudahan fasiliti asas disediakan dan jika perlu, Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen untuk menyediakan kemudahan keperluan khas yang mematuhi kehendak keselamatan yang diperakui; dan
- (f) semua syarat atau arahan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melesen dipatuhi.

(2) Dalam mana-mana keadaan sekiranya Pihak Berkuasa Melesen merasakan perlu, Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemegang lesen atau pemohon lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk mengemukakan laporan keselamatan struktur tanah atau apa-apa pengesahan keselamatan daripada mana-mana agensi atau pihak yang berkeelayakan untuk rujukan Pihak Berkuasa Melesen.

### **Pengudaraan**

11. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap premis hotel atau mana-mana bahagian daripada premis hotel mempunyai peredaran udara yang mencukupi atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

### **Pengurusan dan kawalan**

12. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) premis hotel hendaklah digunakan untuk tujuan penginapan sahaja;
- (b) tiada kegiatan penyalahgunaan premis hotel seperti pelacuran, perjudian, penagihan dadah dan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak bermoral di hotel;
- (c) tiada penginap berumur di bawah lapan belas tahun dibenarkan untuk menginap di hotel tanpa kawalan penjaga yang sah;
- (d) tiada aktiviti di hotel yang boleh menimbulkan masalah kacau ganggu yang boleh mengganggu ketenteraman dan keselesaan penginap lain;
- (e) suatu daftar penginap hotel disimpan dan disenggara pada setiap masa;
- (f) sebarang penyakit berjangkit yang dihadapi oleh mana-mana penginap di hotel hendaklah dilaporkan dengan serta-merta kepada Pihak Berkuasa Melesen dan pegawai kesihatan;

- (g) semua kawasan di hotelnya telah dirawat dan dinyah jangkit sebelum digunakan; dan
- (h) semua syarat pengurusan dan kawalan hotel yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melesen dipatuhi.

### **Penggantungan atau pembatalan lesen**

13. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan lesen yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini jika telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini, Enakmen atau mana-mana undang-undang yang berkaitan.

(2) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberitahu pemegang lesen tentang penggantungan atau pembatalan lesennya—

- (a) dengan menampalkan suatu salinan notis itu di tempat yang mudah dilihat di premis hotel berlesen itu;
- (b) dengan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada orang yang mengurus atau mengawal hotel berlesen itu; atau
- (c) dengan menyampaikan suatu salinan notis kepada pemegang lesen sendiri jika pemegang lesen itu bukan orang yang dinyatakan dalam perenggan (b).

(3) Mana-mana orang yang mengendalikan atau menguruskan sesuatu hotel semasa tempoh lesen yang diberikan berkenaan dengan hotel itu telah digantung, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Seseorang pemegang lesen yang telah dibatalkan lesennya di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah menutup hotel dan menghentikan aktiviti hotel itu dengan serta-merta.

### **Penalti**

14. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang berterusan hendaklah sebagai tambahan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan.

### **Pengkompaunan kesalahan**

15. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan Enakmen atau Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan kesalahan yang boleh dikompaun menurut seksyen 28 Enakmen.



## Pembatalan dan peralihan

16. (1) Semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen dimansuhkan adalah dibatalkan dan digantikan dengan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apa-apa lesen yang diberikan di bawah perundangan subsidiari yang dibatalkan sebaik sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tamat tempoh lesen itu.

(3) Semua permohonan lesen yang belum diputuskan oleh Pegawai Pelesen di bawah perundangan subsidiari yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan mengikut Peraturan-Peraturan ini.

### JADUAL PERTAMA

[subperaturan 3(2), perenggan 5(1)(a) dan peraturan 6]

#### FI LESEN

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Jenis fi</i>	(3) <i>Kadar fi (RM)</i>
1.	Fi permohonan	30.00 setiap permohonan
2.	Fi pindah milik lesen	20% daripada fi lesen tahunan
3.	Fi lesen tahunan	
	(a) Kategori 1	
	20 bilik ke bawah Setiap tambahan 1 bilik	1,000.00 20.00 setahun
	(b) Kategori 2	
	20 bilik ke bawah Setiap tambahan 1 bilik	800.00 20.00 setahun
	(c) Kategori 3	
	20 bilik ke bawah Setiap tambahan 1 bilik	600.00 20.00 setahun
	(d) Kategori 4	
	20 bilik ke bawah Setiap tambahan 1 bilik	300.00 20.00 setahun
	(e) Kategori 5	
	A. Motel, Rumah Tumpangan, Rumah Pemalaman, Rumah Tetamu, <i>Homestay</i>	
	1 premis (0 - 3 bilik) Setiap tambahan 1 bilik	200.00 20.00 setahun

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Jenis fi</i>	(3) <i>Kadar fi</i> (RM)
	B. Tapak Perkhemahan (tapak perkhemahan atau kenderaan yang digunakan sebagai tempat menginap yang berbayar)	
	1 tapak	10.00
	Setiap tambahan 1 tapak	10.00
		setahun
	C. <i>Houseboat</i> /Kelong	
	1 tempat tidur	10.00
	Setiap tambahan 1 tempat tidur	10.00
		setahun

## JADUAL KEDUA

[peraturan 7]

## CAJ PERKHIDMATAN TEMPATAN

(1) <i>Perkara</i>	(2) <i>Kadar Caj</i> (RM)
Semua kategori hotel	3.00 setiap bilik satu malam

## JADUAL KETIGA

[perenggan 5(1)(a)]

## KATEGORI HOTEL

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Kategori</i>	(3) <i>Kemudahan</i>
1.	Kategori 1	
	Mempunyai kesemua atau sekurang-kurangnya sembilan (9) kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Bar</li> <li>(b) Lounge</li> <li>(c) Dewan/banquet/bilik mesyuarat</li> <li>(d) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan</li> <li>(e) Restoran/coffee house/kafe</li> <li>(f) Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa</li> <li>(g) Tempat letak kenderaan</li> <li>(h) Perkhidmatan dobi</li> <li>(i) Kelab kesihatan/gimnasium/sauna/kemudahan rekreasi dan riadah</li> <li>(j) Salun kecantikan</li> <li>(k) Kedai/kiosk</li> <li>(l) Papan iklan</li> <li>(m) Kelab golf dan padang golf</li> <li>(n) Taman tema</li> </ul>

(1)	(2)	(3)
<i>Bil.</i>	<i>Kategori</i>	<i>Kemudahan</i>
2.	Kategori 2	
	Mempunyai sekurang-kurangnya lapan (8) kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Bar</li> <li>(b) Lounge</li> <li>(c) Dewan/banquet/bilik mesyuarat</li> <li>(d) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan</li> <li>(e) Restoran/<i>coffee house</i>/kafe</li> <li>(f) Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa</li> <li>(g) Tempat letak kenderaan</li> <li>(h) Perkhidmatan dobi</li> <li>(i) Kelab kesihatan/gimnasium/sauna/kemudahan rekreasi dan riadah</li> <li>(j) Salun kecantikan</li> <li>(k) Kedai/<i>kiosk</i></li> <li>(l) Papan iklan</li> <li>(m) Kelab golf dan padang golf</li> <li>(n) Taman tema</li> </ul>
3.	Kategori 3	
	Mempunyai kesemua atau sekurang-kurangnya enam (6) kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Bar</li> <li>(b) Lounge</li> <li>(c) Restoran/<i>coffee house</i>/kafe</li> <li>(d) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan</li> <li>(e) Tempat letak kenderaan</li> <li>(f) Perkhidmatan dobi</li> <li>(g) Kedai/<i>kiosk</i></li> <li>(h) Papan iklan</li> <li>(i) Tandas awam</li> <li>(j) Lobi/kaunter pendaftaran</li> <li>(k) Dewan/banquet/bilik mesyuarat/dewan terbuka/dewan makan</li> <li>(l) Kolam renang</li> </ul>
4.	Kategori 4	
	Mempunyai kesemua atau sekurang-kurangnya satu (1) kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Tempat letak kenderaan</li> <li>(b) Perkhidmatan dobi</li> <li>(c) Kedai/<i>kiosk</i></li> <li>(d) Papan iklan</li> <li>(e) Tandas awam</li> <li>(f) Lobi/kaunter pendaftaran</li> <li>(g) Dewan/banquet/bilik mesyuarat/dewan terbuka/dewan makan</li> <li>(h) Kolam renang</li> </ul>
5.	Kategori 5	
		Asrama, motel, rumah tumpangan, rumah pemalaman, rumah tetamu, rumah bot, <i>homestay</i> , tapak perkhemahan atau kenderaan yang digunakan sebagai tempat menginap yang berbayar

Dibuat 24 Jun 2024

[SUK.PK(BKT) 600-18/1/4; PU.PK. 1/2024]

ABDUL MAJID BIN ABDUL RAHIM  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

---

PERAK HOTELS ENACTMENT 2023  
PERAK HOTELS REGULATIONS 2024

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I  
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II  
LICENSING

3. Application for licence
4. Refusal to grant or renew a licence
5. Issuance and renewal of licence
6. Licence not transferable

PART III  
LOCAL SERVICE CHARGES

7. Local service charges

PART IV  
COMPLIANCE

8. Sanitation
9. Nuisance
10. Fire prevention and safety measures
11. Ventilation
12. Management and control
13. Suspension or revocation of licence
14. Penalty
15. Compounding of offences
16. Revocation and transition

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

## PERAK HOTELS ENACTMENT 2023

## PERAK HOTELS REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 31 of the Perak Hotels Enactment 2023 [*Enactment 17*], the State Authority makes the following regulations:

PART I  
PRELIMINARY

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Perak Hotels Regulations 2024**.
- (2) These Regulations shall come into operation on 1 July 2024.
- (3) Notwithstanding subregulation 1(2), the local service charges imposed under these Regulations shall come into operation on 1 January 2025.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“room” means all type of boarding, lodging or harbouring facilities in the hotel, either in the form of a room, premise, site or bed;

“local service charges” means the local service charges as prescribed in the Second Schedule;

“Enactment” means the Perak Hotels Enactment 2023 [*Enactment 17*];

“repealed Enactment” means the Boarding Houses Enactment 1927 [*F.M.S. Cap. 87*];

“hotel” means any premises—

- (a) where persons are boarded, lodged or harboured for hire or reward of any kind for any period and time;
- (b) where rooms furnished by the owner, lessee, principal tenant, occupier or manager of such premises for the domestic use of the persons so boarded, lodged or harboured; or
- (c) inclusive of hostel, motel, boarding house, lodging house, guest house, houseboat, homestay, campsite or vehicle used as a paid accommodation;

but does not include—

- (aa) any premises on which the activities mentioned in paragraphs (a) and (b) are being carried on by or on behalf of the Federal Government or the State Government;

- (bb) any private healthcare facility, child care centre or care centre the establishment or operation of which is controlled or regulated under any other written law;
- (cc) any hostel or residence established by or on behalf of any public or private institution controlled or regulated under any other written law;
- (dd) any premises let out on landlord and tenant basis under any tenancy agreement; or
- (ee) any premises exempted by the State Authority;

“nuisance” means has the meaning assigned to it in the Local Government Act 1976 [Act 171];

“licence” means a licence granted under section 4 or a temporary licence granted under section 8 of the Enactment;

“licensee” means any person who has been issued a licence under these Regulations;

“Licensing Authority” means the Mayor, President, Secretary of a local authority or any officer authorised in writing to issue a licence by the Mayor or President; and

“local authority” means any local authority established under the Local Government Act 1976 [Act 171].

## PART II LICENSING

### **Application for licence**

3. (1) An application for a licence under these Regulations shall be—

- (a) made in a form as may be determined by the Licensing Authority;
- (b) accompanied by details regarding the applicant and the individuals involved in the operation of the hotel, as well as the interests represented by these individuals; and
- (c) accompanied by any information and document as per guidelines determined by the Licensing Authority.

(2) The applicant shall make the payment of application fee as prescribed in the First Schedule upon submission of the application and it is not refundable whether the application approved or refused by the Licencing Authority.

**Refusal to grant or renew a licence**

4. The Licensing Authority may, at its discretion, refuse to grant or renew a licence and shall inform the applicant in writing of the decision.

**Issuance and renewal of licence**

5. (1) Where an application for a licence is approved, the Licensing Authority shall issue a licence after the applicant—

- (a) pay an annual fee based on the categories of hotels as specified in the First and Third Schedule; and
- (b) pay a deposit of fifty percent of the total annual licence fee as specified in the First Schedule,

subject to any conditions or restrictions stated therein.

(2) A licence may be renewed after payment of compound to the Licensing Authority subject to subregulation (1).

**Licence not transferable**

6. A licence issued under these Regulations shall not be transferable except with written permission and any conditions prescribed by the Licensing Authority must be complied with and the licence transfer fee prescribed in the First Schedule must be paid.

**PART III****LOCAL SERVICE CHARGES****Local service charges**

7. (1) A local service charges will be charged on each hotel room stayed as specified in the Second Schedule.

(2) The local service charges shall be collected by the licensee and the licensee shall deposit the collection into the State Consolidated Fund on the tenth day every month, subject to any directives issued by the State Authority.

(3) A committee will be established by the State Authority to manage the collection of the local service charges.

---

PART IV  
COMPLIANCE

**Sanitation**

8. (1) The licensee shall keep and maintain or cause to be maintained every part of the hotel including any attachment or fixtures and sanitary facilities including toilets to be in a good and clean condition at all times.

(2) All waste shall be disposed of by the licensee in such manner as may be directed by the Licensing Authority.

**Nuisance**

9. (1) The licensee shall ensure that the activities carried out at the hotel do not cause any nuisance.

(2) In any event if the Licensing Authority deems necessary, the Licensing Authority may refer to or order a reference to be made to the surrounding residents or neighbouring lots for confirmation and consent on the hotel activities.

**Fire prevention and safety measures**

10. (1) The licensee shall ensure that—

- (a) firefighting equipment is sufficiently provided, properly maintained and ensure it to be functioned properly and maintained by competent service provider;
- (b) all stairs, paths, platforms and exits are provided sufficiently, maintained and properly functioned;
- (c) all stairs, paths, platforms and exits are free from any obstructions and every door therein is constructed and installed in such manner that it can be opened with ease;
- (d) every type of boarding, lodging and harbouring in the hotel is covered with insurance and the licensee shall provide first aid kit at any time according to the first aid kit guidelines at workplace;
- (e) basic facilities are provided and if required, the Licensing Authority may instruct the licensee to comply with special facilities certified by safety requirements; and
- (f) all conditions and instructions issued by the Licensing Authority is complied with.



(2) In any event if the Licensing Authority deems it necessary, the Licensing Authority may require the licensee or licence applicant under these Regulations to submit ground structure safety report or any other safety verification from any agency or qualified authority for the reference of the Licensing Authority.

### **Ventilation**

11. The licensee shall ensure that all hotel premises or any part of the hotel premises has sufficient air circulation or as prescribed by the Licencing Authority.

### **Management and control**

12. The licensee shall ensure that—

- (a) the hotel premise shall be used for accommodation purposes only;
- (b) no abuse of the hotel premises such as prostitution, gambling, drug addiction and other unlawful or immoral activities in the hotel;
- (c) no guest under the age of eighteen is allowed to stay at the hotel without the supervision of a legal guardian;
- (d) no activity at the hotel that can cause nuisance that may disturb the peace and comfort of other guest;
- (e) a register of hotel guests is being kept and maintained at all times;
- (f) any infectious disease of the hotel guests shall be reported immediately to the Licensing Authority and health officer;
- (g) all area of the hotel is properly sanitised and disinfected before being used;  
and
- (h) all the management and control conditions imposed by the Licencing Authority is complied with.

### **Suspension or revocation of licence**

13. (1) The Licensing Authority may at any time suspend or revoke the licence granted under these Regulations if there has been a violation of any condition or restriction of that licence or breach of any provision of these Regulations, Enactment or any relevant laws.

(2) The Licensing Authority shall notify the licensee of the suspension or revocation of its licence—

- (a) by affixing a copy of the notice in a conspicuous place on the premises of the licensed hotel;
- (b) by serving a copy of the notice to the person who manages or has control the licensed hotel; or
- (c) by serving a copy of the notice to the licensee himself if the licensee is not the person referred to in paragraph (b).

(3) Any person who operates or manages a hotel during the period when the licence granted in respect of the hotel is suspended, commits an offence.

(4) A licensee whose licence has been revoked under these Regulations shall close the hotel and stop the hotel's activities immediately.

### **Penalty**

14. Any person who commits an offence under these Regulations shall on conviction be liable to a fine not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit for each day the offence continues to be committed.

### **Compounding of offences**

15. Any person who contravenes the provisions of the Enactment or these Regulations commits a compoundable offence pursuant to section 28 of the Enactment.

### **Revocation and transition**

16. (1) All subsidiary legislations made under the repealed Enactment is revoked and replaced by these Regulations.

(2) Any licence issued under the revoked subsidiary legislations immediately before the coming into operation of these Regulations shall continue to have effect until the expiry of such period of licence.

(3) All pending application of licence before the Licensing Officer under the revoked subsidiary legislations shall, on the coming into operation of these Regulations, be dealt with in accordance with these Regulations.

## FIRST SCHEDULE

[subregulation 3(2), paragraph 5(1)(a) and regulation 6]

## LICENCE FEE

(1) No.	(2) <i>Type of fee</i>	(3) <i>Fee rate (RM)</i>
1.	Application fee	30.00 per application
2.	Transfer of licence fee	20% of annual licence fee
3.	Annual licence fee	
	(a) Category 1	
	20 rooms and below	1,000.00
	Every additional 1 room	20.00
		per annum
	(b) Category 2	
	20 rooms and below	800.00
	Every additional 1 room	20.00
		per annum
	(c) Category 3	
	20 rooms and below	600.00
	Every additional 1 room	20.00
		per annum
	(d) Category 4	
	20 rooms and below	300.00
	Every additional 1 room	20.00
		per annum
	(e) Category 5	
	A. Motel, Boarding House, Lodging House, Guest House, Homestay	
	1 premise (0 - 3 rooms)	200.00
	Every additional 1 room	20.00
		per annum
	B. Campsite (campsite or vehicle used as a paid accommodation for stay)	
	1 campsite	10.00
	Every additional 1 campsite	10.00
		per annum
	C. Houseboat/Kelong	
	1 bed	10.00
	Every additional 1 bed	10.00
		per annum

SECOND SCHEDULE

[regulation 7]

LOCAL SERVICE CHARGES

(1) <i>Subject matter</i>	(2) <i>Charges rate (RM)</i>
Every hotel category	3.00 every room per night

THIRD SCHEDULE

[paragraph 5(1)(a)]

CATEGORY OF HOTEL

(1) <i>No.</i>	(2) <i>Category</i>	(3) <i>Facility</i>
1.	Category 1  Consist of all items or at least nine (9) of the facilities	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Bar</li> <li>(b) Lounge</li> <li>(c) Hall/banquet/meeting room</li> <li>(d) Staging activities/entertainment performances</li> <li>(e) Restaurant/coffee house/cafe</li> <li>(f) Swimming pool for children and adult</li> <li>(g) Parking</li> <li>(h) Laundry service</li> <li>(i) Health club/gymnasium/sauna/recreation and leisure facilities</li> <li>(j) Beauty salon</li> <li>(k) Shop/kiosk</li> <li>(l) Billboard</li> <li>(m) Golf club and golf course</li> <li>(n) Theme park</li> </ul>
2.	Category 2  Consist at least eight (8) of the facilities	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Bar</li> <li>(b) Lounge</li> <li>(c) Hall/banquet/meeting room</li> <li>(d) Staging activities/entertainment performances</li> <li>(e) Restaurant/coffee house/cafe</li> <li>(f) Swimming pool for children and adult</li> <li>(g) Parking</li> <li>(h) Laundry service</li> <li>(i) Health club/gymnasium/sauna/recreation and leisure facilities</li> <li>(j) Beauty salon</li> <li>(k) Shop/kiosk</li> <li>(l) Billboard</li> <li>(m) Golf club and golf course</li> <li>(n) Theme park</li> </ul>

(1) No.	(2) Category	(3) Facility
3.	Category 3	
	Consist of all items or at least six (6) of the facilities	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Bar</li> <li>(b) Lounge</li> <li>(c) Restaurant/coffee house/cafe</li> <li>(d) Staging activities/entertainment performances</li> <li>(e) Parking</li> <li>(f) Laundry service</li> <li>(g) Shop/kiosk</li> <li>(h) Billboard</li> <li>(i) Public toilet</li> <li>(j) Lobby/registration counter</li> <li>(k) Hall/banquet/meeting room/open hall/dining hall</li> <li>(l) Swimming pool</li> </ul>
4.	Category 4	
	Consist of all items or at least one (1) of the facilities	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Parking</li> <li>(b) Laundry service</li> <li>(c) Shop/kiosk</li> <li>(d) Billboard</li> <li>(e) Public toilet</li> <li>(f) Lobby/registration counter</li> <li>(g) Hall/banquet/meeting room/open hall/dining hall</li> <li>(h) Swimming pool</li> </ul>
5.	Category 5	Hostel, motel, boarding house, lodging house, guest house, houseboat, homestay, campsite or vehicle used as a paid accommodation

Made 24 June 2024

[SUK.PK(BKT) 600-18/1/4; PU.PK. 1/2024]

ABDUL MAJID BIN ABDUL RAHIM  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**Hakcipta Pencetak (H)**

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA